



## **PROGRAM “KKM JOM IKRAR!”**

MODUL 5 : “What’s next?...”  
(PERANAN ANGGOTA KKM)

Salinan modul boleh didapati di  
[www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my) atau emel kepada [ntrc@moh.gov.my](mailto:ntrc@moh.gov.my)

## PERANAN ANGGOTA KESIHATAN

### Objektif

1. Menyuru anggota KKM untuk berikrar sebagai pengikrar penderma organ.
2. Untuk menyampaikan maklumat berkenaan pendermaan organ dan tisu di kalangan ahli keluarga, saudara-mara, kawan dan juga rakan setugas.
3. Anggota KKM dapat menyebarkan maklumat yang tepat berkenaan pendermaan organ dan tisu kepada masyarakat setempat amnya dan semua anggota lain di KKM khasnya.

*Anggota KKM adalah penjawat awam yang bertugas di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Kategori Anggota KKM terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan*

### Rangka

1. Cara-cara Untuk Berikrar
2. Peranan Anggota Kesihatan
3. Kelebihan Berikrar

### Kandungan

#### **1. Cara-cara Untuk Berikrar**

Setiap anggota KKM perlu tahu bagaimana cara-cara untuk berikrar sebagai penderma organ. Ini adalah kerana anggota KKM itu sendiri digalakkan untuk berdaftar sebagai pengikrar penderma organ. Dan, selepas berikrar, anggota berkenaan secara tidak langsung memberi contoh dan teladan yang baik kepada ahli keluarga, rakan-rakan sekerja dan masyarakat sekeliling. Dan, kemudiannya dapat memberi tunjuk ajar kepada sesiapa saja yang berminat untuk berikrar.

Terdapat beberapa cara untuk mendaftar sebagai pengikrar penderma organ dan tisu:

- Boleh mendaftar di atas talian di [www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my)
- Muat turun dan cetak borang pendaftaran di atas talian, isi kesemua maklumat yang diperlukan dan hantar borang yang lengkap kepada :

**Pusat Sumber Transplan Nasional,  
Unit B 5-1, Wisma Sejarah,  
No 230, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.**

- Berhubung dengan talian bebas tol **1-800-88-9080** untuk mendapatkan borang pendaftaran.

Kad Pengikrar Penderma Organ dan Tisu akan dihantar dalam masa tiga minggu bekerja. Kad ini perlu disimpan bersama dengan MyKad setiap masa.

Selepas berikrar, individu tersebut perlu memberitahu ahli keluarga terdekat tentang pendaftaran tersebut untuk memudahkan ahli keluarganya membuat keputusan apabila tiba masanya kelak.

Individu yang berusia 18 tahun ke bawah harus mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu atau bapa/penjaga untuk berdaftar sebagai pengikrar penderma organ. Pendaftaran untuk menjadi pengikrar penderma organ tidak melibatkan sebarang pembayaran atau pemeriksaan kesihatan.

Mengikut Akta Tisu Manusia 1974, apabila berlakunya sesuatu kematian, suami/isteri/waris boleh memberi kebenaran untuk si mati mendermakan organnya, walaupun si mati tidak pernah mendaftar sebagai pengikrar penderma organ. Bagi kes-kes medico-legal (bunuh diri, dibunuh dan kemalangan), persetujuan bersama magistret dan pihak polis perlu diperolehi.

## **2. Peranan Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia**

- Menjadi “*role-model*” dengan berikrar sebagai pengikrar penderma organ/tisu kepada masyarakat sekeliling.
- Sebagai sumber rujukan orang awam tentang pendermaan organ/ tisu.
- Membantu dalam mempromosikan pendermaan organ/ tisu.

## **3. Kelebihan berikrar**

- Berpotensi untuk membantu menyelamatkan nyawa pesakit yang mengalami kegagalan organ peringkat akhir.
- Meningkatkan jumlah pengikrar di Malaysia.
- Memberi harapan pada insan yang mengalami kegagalan organ peringkat akhir.
- Menarik minat ahli keluarga, saudara mara terdekat serta sahabat handai untuk turut sama berikrar sebagai penderma organ dan tisu.
- Meningkatkan pandangan rakyat negara lain terhadap kekuatan kerjasama antara rakyat Malaysia yang berbeza bangsa, budaya dan agama.